

# **CERAMAH KESELAMATAN DAN LATIHAN DEMONSTRASI MENCEGAH KEBAKARAN MAWILUD 1**

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3406-ceramah-keselamatan-dan-latihan-demonstrasi-mencegah-kebakaran-mawilud-1](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3406-ceramah-keselamatan-dan-latihan-demonstrasi-mencegah-kebakaran-mawilud-1)

SUNGAI BESI, 27 Apr 18 - Markas Wilayah Udara 1 dengan kerjasama POTU serta koordinasi Pegawai Bomba Markas iaitu Mej Zaki bin Mohamed Yusof TUDM telah berjaya melaksanakan ceramah keselamatan dan latihan demonstrasi mencegah kebakaran bertempat di Padang Kawad Markas Wilayah Udara 1.

Program ini merupakan program berkala yang terdapat dalam program aktiviti tahunan Markas. Selain itu juga dengan pelaksanaan program ini sekaligus menerapkan kepada semua pegawai dan anggota bahawa keselamatan adalah tanggungjawab semua dan wajar dijadikan sebagai budaya dalam organisasi sebilang masa.

Turut hadir Timbalan Ketua Staf Operasi, Kol Hj Ayub Khan bin Mohamad Khan TUDM serta para pegawai dan seluruh anggota Markas dan warga POTU.

